

BAB 1 – WARISAN NEGARA BANGSA

1.1 - Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat

1 Nyatakan kerajaan Alam Melayu yang muncul di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat.

(i) Kerajaan di Tanah Besar

- Funan
- Angkor
- Champa
- Kedah Tua
- Gangga Nagara

(ii) Kerajaan di Kepulauan

- Majapahit
- Srivijaya

2 Jelaskan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.

(i) Raja

- Tonggak** Raja menjadi tonggak utama kerajaan - kedudukan raja diperkukuh dengan sistem pentadbiran yang dibantu oleh para pembesar.
- Taat** Raja memperoleh ketaatan daripada rakyatnya - Raja sentiasa ditaati dan dianggap suci.
- Dewa Siva** Contohnya, Raja Champa dianggap sebagai pemerintah yang suci dan dikaitkan dengan Dewa Siva.

(ii) Undang-undang

- Sejahtera** Undang-undang dilaksanakan bagi memastikan kesejahteraan sesebuah kerajaan.
- Pakai** Undang-undang tersebut terpakai di seluruh wilayah pengaruh dan menjadi panduan dalam pentadbiran kerajaan.
- Kutara Manawa** Contohnya, kerajaan Majapahit mengamalkan undang-undang Kutara Manawa.

(iii) Wilayah Pengaruh

- Terima** Wilayah pengaruh merupakan kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja.
- Funan** Contohnya, kerajaan Funan mempunyai wilayah pengaruh yang luas dari Sungai Mekong, Teluk Cam Ranh, selatan Myanmar dan Segenting Kra.

(iv) Rakyat

- Penduduk** Rakyat merujuk penduduk di dalam sesebuah wilayah

Srivijaya yang setia kepada raja dan tidak menderhaka. Contohnya, rakyat kerajaan Srivijaya membuktikan kesetiaan mereka kepada Raja Srivijaya dengan upacara persembaan dan meminum air sumpah.

3 Bagaimanakah untuk memelihara warisan bangsa supaya berkekalan?

- Cinta** Menanam rasa cinta kepada warisan bangsa – kempen menyayangi warisan bangsa – mengadakan pameran dan pertunjukan.
- Waris** Mewarisi budaya bangsa – mengekalkan bangunan bersejarah – membaikpulih kerosakan bangunan warisan.
- UNESCO** Menjadikan warisan UNESCO – menguatkuasakan undang-undang - membuat promosi antarabangsa – memperkenalkannya kepada generasi muda
- Pusat** Menubuhkan pusat mempelajari warisan negara – menubuhkan sekolah seni – menaiktaraf hasil kraftangan.

4 Apakah kaitan Telaga Batu dengan kesetiaan rakyat Srivijaya kepada Raja Srivijaya?

- Upacara** Dalam upacara persembaan rakyat kepada pemerintah Srivijaya, air dituang ke atas Inskripsi Telaga Batu dan mengalir di corong di bawahnya.
- Setia** Air tersebut akan ditadah dan diminum oleh rakyat untuk menunjukkan kesetiaan kepada pemerintah.

5 Ciri-ciri negara bangsa yang menjadi warisan telah diteruskan oleh kerajaan Srivijaya, Kesultanan Melayu Melaka dan Kesultanan Johor-Riau.

Bagaimanakah warisan itu diteruskan?

- Srivijaya** Kerajaan Srivijaya yang berpusat di Palembang telah meneruskan ciri-ciri negara bangsa yang diasaskan oleh kerajaan Alam Melayu sebelumnya, iaitu kerajaan Funan dan Champa.
- Empayar** Kesenambungan ini memberikan asas yang kukuh untuk kerajaan Srivijaya berkembang dan muncul sebagai empayar yang terkenal.
- KMM** Ciri-ciri negara bangsa membawa kesejahteraan kepada empayar Srivijaya dan diwarisi oleh Kesultanan Melayu Melaka - menyerapkan ciri-ciri lain dalam memperkukuh negara bangsa kesultanan ini.
- Johor-Riau** Kesultanan Johor-Riau pula meneruskan ciri-ciri ini dengan menekankan kepentingan Islam dalam usaha melaksanakan ciri-ciri negara bangsa.

6 Bagaimanakah kepimpinan berwibawa seseorang pemimpin berjaya menjadikan kerajaannya sebuah kerajaan yang cemerlang? Beri hujah anda.

Nabi Muhammad SAW	Kerajaan Madinah - pemimpinnya Nabi Muhammad SAW - berjaya menyatupadukan rakyat Madinah yang pelbagai kaum – Piagam Madinah – panduan hidup rakyat berbilang kaum – dianggap model negara Islam.
Tunku Abdul Rahman	Tunku Abdul Rahman - berjaya memerdekakan Tanah Melayu - tanpa pertumpahan darah – berjaya membentuk Malaysia – berasaskan permuafakatan.
Tun Mahathir	Tun Mahathir - berjaya membina pusat pentadbiran Putrajaya – mempunyai karisma yang dikagumi pemimpin dunia - menjadikan Malaysia terkenal di seluruh dunia – pemimpin disegani dan dihormati dunia.

1.2 - Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka

7 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem pentadbiran, peraturan, masyarakat yang tersusun dan corak politiknya yang tersendiri bagi membentuk negara bangsa.

Nyatakan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

- Kerajaan
- Rakyat
- Kedaulatan
- Wilayah pengaruh
- Undang-undang
- Lambang kebesaran

8 Terangkan ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

(i) Kerajaan

Raja	Kerajaan muncul disebabkan oleh adanya raja - merupakan pemerintah tertinggi dan dibantu oleh pembesar.
Pembesar Empat Lipatan	Pemerintahan beraja diperkukuh dengan Sistem Pembesar Empat Lipatan yang menjadi tonggak pentadbiran Melaka - pentadbiran kerajaan yang tersusun menjadikan Melaka sebagai empayar yang terkenal.
Sultan	Selepas kedatangan Islam, pemerintah Kesultanan Melayu Melaka mula menggunakan gelaran sultan.

(ii) Rakyat

Taat setia	Rakyat menumpahkan taat setia kepada Sultan Melaka dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan dalam
-------------------	---

Kesultanan Melayu Melaka - secara umum, rakyat Melaka terdiri daripada orang Melayu dan Orang Laut.

Diperintah Golongan diperintah terdiri daripada rakyat yang merangkumi golongan merdeka dan hamba.

Sejahtera Kesejahteraan rakyat Melaka dijamin oleh sultan, manakala rakyat mengakui kekuasaan sultan.

Timbal balik Hubungan timbal balik mewujudkan persefahaman dan ikatan antara golongan pemerintah dengan golongan diperintah.

(iii) Kedaulatan

Lambang kuasa Kedaulatan ialah lambang kekuasaan tertinggi seseorang sultan - merupakan hak mutlak sultan untuk mengawal rakyat dan wilayah.

Diakui Kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka diakui oleh kerajaan lain dan bebas daripada campur tangan kuasa asing.

Dinasti Ming Contoh: diiktiraf oleh kerajaan Dinasti Ming - kerajaan Dinasti Ming telah menghantar beberapa orang utusan antaranya termasuklah yang diketuai oleh Laksamana Cheng Ho untuk mengeratkan hubungan antara China dengan Melaka.

(iv) Wilayah pengaruh

Diakui rakyat Merujuk kawasan pemerintahan raja yang diterima dan diakui oleh rakyat - Kesultanan Melayu Melaka mempunyai wilayah pengaruh yang luas merangkumi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera - diperoleh melalui penaklukan, naungan dan perkahwinan.

Wibawa Wilayah pengaruh yang luas membuktikan kewibawaan pemerintah kerajaan ini.

(v) Undang-undang

Dua Terdapat dua undang-undang bertulis pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka - digunakan untuk mengukuhkan kerajaan dan melindungi rakyat.

Unggul Undang-undang ini juga menjadikan Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah kerajaan yang unggul.

(vi) Lambang kebesaran

Identiti kerajaan Lambang kebesaran merupakan identiti sesebuah kerajaan dan keistimewaan Sultan Melaka - juga menjadi simbol kedaulatan sultan yang memerintah.

Adat istiadat Contoh lambang kebesaran termasuklah adat istiadat, penggunaan warna, nobat, regalia dan cap mohor.
Cap mohor Cap mohor digunakan untuk mengesahkan arahan daripada sultan.

9 Sebagai rakyat Malaysia, kita harus bersatu padu untuk mengukuhkan pembentukan sebuah negara bangsa. Apakah rasa kebersamaan yang perlu diamalkan oleh bangsa Malaysia? Beri hujah anda.

Pendidikan Mengikuti sistem pendidikan yang sama – mengukuhkan perpaduan antara kaum.
Kebudayaan kebangsaan Menghayati kebudayaan kebangsaan – meraikan hari perayaan bersama – mengukuhkan hubungan – kesan: kehidupan masyarakat harmoni – negara aman dan sejahtera.
Rukun Negara Mengamalkan prinsip Rukun Negara – setia kepada raja dan negara – mematuhi undang-undang – kesan: melahirkan masyarakat bersemangat cinta akan Negara.
Islam Mengiktiraf Islam sebagai agama rasmi negara – menghormati kebebasan beragama.
Bangga Berbangga sebagai rakyat Malaysia – mengutamakan perpaduan – hidup saling menghormati – kesan: keamanan negara terpelihara – imej negara terjaga – dipandang tinggi negara luar.

10 Kesultanan Melayu Melaka dengan ciri-ciri negara bangsa seperti kerajaan, rakyat, kedaulatan, wilayah pengaruh, undang-undang dan lambang kebesaran menjadikan kerajaan ini gemilang. Nyatakan hierarki sosial Kesultanan Melayu Melaka.

Golongan Pemerintah Golongan pemerintah terdiri daripada sultan dan pembesar.
Golongan Diperintah Golongan diperintah terdiri daripada rakyat yang merangkumi golongan merdeka dan hamba - terdiri daripada orang Melayu dan Orang Laut.

11 Wilayah pengaruh diperoleh melalui penaklukan, naungan dan perkahwinan. Jelaskan.

Taklukan Wilayah taklukan ialah wilayah yang diperoleh melalui peperangan - antara wilayah yang ditakluk termasuklah Pahang, Kuala Linggi, Kelantan, Rokan, Inderagiri dan Kampar.
Naungan Wilayah naungan ialah wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka sama ada melalui

perkahwinan atau persahabatan – contoh Lingga, Patani dan Kedah.

Perkahwinan Perolehan wilayah melalui perkahwinan - contohnya, kerajaan Majapahit menghadihkan Siantan kepada Sultan Mansur Shah kerana mengahwini Puteri Majapahit.

Pengaruh Wilayah pengaruh yang luas membuktikan kewibawaan pemerintah kerajaan ini.

12 Lambang kebesaran merupakan identiti sesebuah kerajaan dan keistimewaan yang dimiliki negara. Sejauh manakah rakyat Malaysia menghormati lambang-lambang negara ini?

Lindung Jalur Gemilang, Negaraku, bahasa Melayu dan institusi Yang DiPertuan Agong (YDPA) adalah antara lambang-lambang negara yang dipandang tinggi dan dilindungi oleh perlembagaan dan undang-undang.

Hina Ada yang menghina lambang-lambang negara ini – contoh ada individu menghina lagu Negaraku dengan mengubah lagu kebangsaan kepada Negarakuku - terdapat sebahagian daripada rakyat Malaysia yang tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu dan menghina insitisi YDPA.

Tidak hormat Penghinaan sebegini menunjukkan tidak semua rakyat Malaysia menghormati lambang-lambang negara yang sepatutnya disanjung tinggi - sesetengah rakyat Malaysia bertindak untuk mengkritik secara kurang berhemah tanpa mengambil kira akibat daripada perbuatan mereka ini.

Wajib dihormati Lambang-lambang negara wajib dihormati oleh semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, keturunan, bangsa dan agama.

Rendah jati diri Insiden yang melibatkan penghinaan adalah manifestasi rendahnya jati diri sesetengah rakyat di negara ini.

Sumbang Rakyat Malaysia seharusnya tanya pada diri sendiri apakah yang mereka telah lakukan / sumbangkan untuk negara, dan bukannya apa yang negara telah lakukan untuk mereka.

1.3 - Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-Undang

1 **Keunggulan bererti kesempurnaan dan keistimewaan yang dimiliki oleh sesebuah kerajaan. Dalam Kesultanan Melayu Melaka (KMM), keunggulan terbukti melalui sistem pentadbiran dan undang-undang yang tersusun sehingga menjadikan kerajaan ini masyhur. Berikan maksud bagi setiap perkara berikut.**

Sistem Pembesar Empat Lipatan

Sistem pentadbiran Merupakan sistem pentadbiran tersusun yang diamalkan Kesultanan Melayu Melaka - pentadbiran sultan dibantu oleh Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana.

Kawasan pegangan

Kurnia Merupakan kawasan yang dikurniakan oleh Sultan Melaka kepada Pembesar Berempat - Sultan Melaka memberi kuasa memerintah atau mentadbir sesuatu wilayah, sungai atau pulau kepada para Pembesar Berempat.

2 **Ceritakan tentang sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.**

Tersusun Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka mempunyai pentadbiran yang lengkap dan tersusun - Pembesar Empat Lipatan - menjadikan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka lancar dan tersusun.

Beri kuasa Sultan Melaka juga memberikan kuasa memerintah atau mentadbir sesuatu wilayah, sungai atau pulau kepada para Pembesar Berempat - setiap kawasan pentadbiran ini dikenali sebagai kawasan pegangan.

3 **Apakah peranan sultan dalam sistem pentadbiran KMM?**

Ketua Sultan mengetuai pemerintahan - mempunyai kuasa dalam segala aspek iaitu pemerintahan, peperangan, hubungan diplomatik dan agama.

Dibantu Pemerintahan dibantu Pembesar Berempat

4 **Pelaksanaan pemerintahan secara sistematik menjadikan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka sebuah kerajaan yang unggul. Siapakah pembesar yang terlibat dalam pentadbiran? Jelaskan peranan mereka.**

Bendahara Bendahara - merupakan pembesar yang menjalankan tugas sebagai ketua pentadbir - juga sebagai ketua turus angkatan tentera - menasihati sultan dalam pelbagai hal dan menjadi pemangku sultan.

Penghulu Bendahari Penghulu Bendahari - menguruskan perbendaharaan dan kewangan kerajaan secara teratur.

Temenggung Laksamana Temenggung - menjaga keselamatan kota Melaka. Laksamana - bertindak sebagai panglima angkatan laut Melaka.

Pembesar lain Pembesar lain yang membantu dalam pentadbiran ialah Syahbandar, Bentara, Orang Kaya, hulubalang dan penghulu.

5 **Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua peringkat, iaitu pentadbiran pusat dan peringkat jajahan. Jelaskan peringkat-peringkat pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.**

(i) Pentadbiran peringkat pusat

Pembesar Berempat Kerjasama Dilaksanakan oleh Pembesar Berempat - Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Sultan dengan pembesar bekerjasama mentadbir bagi kejayaan Kesultanan Melayu Melaka.

Sempurna Mewujudkan proses pentadbiran yang sempurna.

(ii) Pentadbiran peringkat jajahan

Pembesar daerah Pembesar ditugaskan untuk menguruskan pentadbiran di daerah dan kampung - dilantik oleh sultan dan Pembesar Berempat.

Aman Berperanan menjaga dan mengekalkan keamanan kawasan pentadbiran dan dibenarkan mengutip cukai.

Cadangan jawapan:

Peringkat pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka terbahagi dua iaitu peringkat pusat dan peringkat jajahan. Pentadbiran peringkat pusat dilaksanakan oleh Pembesar Berempat iaitu Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Sultan dengan pembesar bekerjasama mentadbir bagi kejayaan Kesultanan Melayu Melaka. Kesannya dapat mewujudkan proses pentadbiran yang sempurna.

Manakala di peringkat jajahan pula pembesar ditugaskan untuk menguruskan pentadbiran di daerah dan kampung. Mereka ini dilantik oleh sultan dan Pembesar Berempat. Peranan mereka untuk menjaga dan mengekalkan keamanan kawasan pentadbiran serta dibenarkan mengutip cukai.

6 Kecemerlangan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka dibantu oleh sistem kewangan dan keselamatannya yang tersusun.

(i) Bagaimanakah sistem kewangan yang teratur dilaksanakan?

Sumber pendapatan	Sumber pendapatan - diperoleh daripada urusan perdagangan, segala jenis cukai dan ufti daripada wilayah taklukan serta naungan.
Peranan pembesar	Peranan pembesar - Penghulu Bendahari dilantik bagi menguruskan perbendaharaan secara teratur - Syahbandar pula dipertanggungjawabkan untuk mengutip cukai di pelabuhan - pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan - pemerintah mengawal perbendaharaan dengan baik.
Belanja	Perbelanjaan pendapatan - disalurkan untuk kepentingan kerajaan seperti membeli senjata dan membina istana.

(ii) Jelaskan tentang sistem keselamatan Kesultanan Melayu Melaka.

Darat	Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem keselamatan yang kemas untuk menjaga keamanan di darat.
Laut	Sistem keselamatan di laut terutama kawasan Selat Melaka dan pesisir pantai terjaga terutama untuk keselamatan pedagang.
Temenggung	Bagi tujuan ini, Temenggung dilantik untuk menjaga keselamatan kota Melaka.
Laksamana	Laksamana pula bertindak sebagai panglima angkatan laut Melaka.
Aman	Keamanan negara menjadi teras kepada kemasyhuran kesultanan ini.

7 Sejauh manakah hubungan antara Sultan Melaka dengan Pembesar Berempat membantu kejayaan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka?

Sultan	Sultan mengetuai pemerintahan dan dibantu Pembesar Berempat serta pembesar lain – Syahbandar, bentara, hulubalang.
Pembesar	Pembesar berperanan dengan tugas masing-masing menjadikan pentadbiran KMM teratur dan sistematik – contoh: Bendahara – ketua pentadbir dan penasihat sultan.
Hubungan	Wujudkan hubungan dan persefahaman dua hala – sultan dan pembesar.
Muafakat	Berlaku permuafakatan antara sultan dengan pembesar – tujuan menentukan hala tuju pentadbiran KMM - permuafakatan wujud sehingga hari ini.
Elak	Juga dapat mengelakkan sebarang tindakan sewenang-wenangnya oleh pemerintah.

Sempurna Kesannya mewujudkan proses pentadbiran yang sempurna.

8 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.

Mengapakah kedua-dua undang-undang tersebut diperkenalkan?

Pentadbiran	Undang-undang tersebut diperkenalkan bagi melaksanakan pentadbiran.
Makmur	Menjamin kemakmuran dan kesejahteraan Kesultanan Melayu Melaka.

9 Apakah yang terkandung dalam Hukum Kanun Melaka?

Syariah	Merupakan undang-undang berasaskan syariah yang diperkenalkan dalam pentadbiran Melaka.
44 fasal	Mengandungi 44 fasal.
Jenayah	Membincangkan antaranya tentang jenayah, bidang kuasa sultan dan pembesar, kekeluargaan dan hal berkaitan ekonomi kerajaan Melaka.

10 Apakah yang anda tahu tentang Undang-Undang Laut Melaka?

Syariah	Undang-Undang Laut Melaka merupakan undang-undang berasaskan syariah yang diperkenalkan dalam pentadbiran Melaka.
Usaha	Undang-undang ini diusahakan beberapa nakhoda Melaka iaitu Nakhoda Jenal, Nakhoda Diri dan Nakhoda Sahak.
Sultan Mahmud Peranan	Undang-undang ini diperkenan oleh Sultan Mahmud Shah. Ia mengandungi antaranya termasuklah perkara berkaitan peranan nakhoda, pelayaran, jenayah di atas kapal dan percukaian.

11 Dalam Hukum Kanun Melaka, terdapat beberapa perkataan yang hanya boleh digunakan oleh raja.

Apakah perkataan tersebut? Mengapa?

Titah	Contoh perkataan - titah, murka, kurnia dan anugerah.
Senda	Rakyat tidak dibenarkan mempersendakan dan menuturkan perkataan tersebut.
Kukuh	Tujuan – mengukuhkan kedudukan dan kedaulatan seseorang raja.
Tinggi	Raja atau sultan merupakan pemerintah tertinggi kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.
Taat	Rakyat bertanggungjawab untuk mentaati raja yang memerintah.

12 Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 Fasal yang membincangkan antaranya termasuklah jenayah, bidang kuasa sultan dan pembesar, kekeluargaan dan hal berkaitan dengan ekonomi.

Apakah bidang kuasa sultan dan pembesar mengikut Hukum Kanun Melaka?

Lantik	Sultan bertanggungjawab untuk melantik pembesar, contohnya Bendahara dan Temenggung.
Peranan	Setiap pembesar Melaka mempunyai peranan dalam pentadbiran.
Arif	Mereka juga perlu arif dalam hal berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang.
Fasal 1	Contohnya, dalam Fasal 1, dijelaskan tugas sultan, Bendahara, Temenggung dan Penghulu Bendahari.

13 Mengapakah undang-undang terhadap perbuatan jenayah ditekankan dalam Hukum Kanun Melaka?

Gugat	Perbuatan jenayah menggugat ketenteraman dan keharmonian Kesultanan Melayu Melaka.
Hukuman setimpal	Pelbagai hukuman setimpal dikenakan terhadap perbuatan jenayah seperti membunuh, menikam dan mencuri.
Bunuh	Antara kesalahan yang boleh dikenakan hukuman bunuh termasuklah, apabila seseorang didapati membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja atau pembesar, maka dia akan dihukum bunuh - Fasal 5.1
Ingkar	Hukuman bunuh dikenakan kepada sesiapa yang ingkar arahan dan memalsukan titah sultan - Fasal 4

14 Bagaimanakah undang-undang boleh menjadikan negara kita unggul di persada dunia?

Kemukakan alasan anda.

Tegas	Pelaksanaan undang-undang yang tegas menjamin keamanan.
Aman	Keamanan negara boleh menarik pelancong.
Pelancong	Sektor pelancongan boleh membangunkan ekonomi negara.
Pelabur	Negara yang aman mampu menarik pelaburan luar melabur di negara kita.
Pelabur	Pelaburan luar boleh meningkatkan pendapatan rakyat dan negara – ekonomi negara meningkat.
Terkenal	Negara kita akan terkenal seluruh dunia

15 Isu kekeluargaan dan ekonomi diberikan perhatian dalam Hukum Kanun Melaka.

Apakah tujuan isu kekeluargaan diberikan perhatian?

Harmoni	Mewujudkan keharmonian dalam keluarga dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh keluarga atau dalam perkahwinan.
Saksi	Contoh - Fasal 26 menyatakan bahawa pernikahan memerlukan empat orang saksi, jika tidak cukup memadai dua orang sahaja.
Hamba	Hamba abdi dan wanita tidak boleh menjadi saksi dalam pernikahan.

16 Perdagangan merupakan elemen penting yang menjadikan Kesultanan Melayu Melaka terkenal di seluruh dunia. Jelaskan undang-undang berkaitannya.

Hukum Kanun Melaka	Undang-undang ini mempunyai peraturan yang jelas tentang urus niaga untuk mengawal perdagangan di Melaka.
Tentang	Tujuan supaya tidak berlaku sebarang kesalahan yang bertentangan dengan ajaran Islam.
Fasal 30	Contoh - dalam Fasal 30, dinyatakan amalan riba diharamkan dalam urusan perniagaan.
Akil baligh	Orang yang menjalankan perniagaan hendaklah akil baligh, siuman dan perlu melafazkan niat jual beli.

17 Mengapakah undang-undang sangat penting dalam Kesultanan Melayu Melaka?

Kemukakan alasan anda.

Kukuh	Mengukuhkan kedaulatan kerajaan.
Lindung	Melindungi keselamatan rakyat – dapat hidup dengan tenang tanpa ancaman.
Tenteram	Menjamin ketenteraman masyarakat – mengawal tingkah laku masyarakat yang sering menimbulkan masalah.
Harmoni	Menjamin keharmonian masyarakat – mampu menjalankan kegiatan seharian tanpa ragu-ragu.
Selamat	Melindungi keselamatan pedagang – meningkatkan perdagangan negara – perairan bebas ancaman.
Lancar	Menjamin kelancaran pentadbiran – dapat fokus kepada pembangunan Negara.

18 Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 Fasal yang membincangkan antaranya termasuklah jenayah, bidang kuasa sultan dan pembesar, kekeluargaan dan hal berkaitan dengan ekonomi.

Salah satu asas pembentukan negara bangsa ialah keunggulan undang-undang dalam pemerintahan.

Apakah yang anda faham daripada pernyataan tersebut?

Kuatkuasa	Penguatkuasaan undang-undang merupakan cara yang diterima untuk mengawal masyarakat melalui peraturan yang telah diwartakan.
Pelihara	Undang-undang dicipta untuk memelihara keamanan dan melindungi rakyat.
Unggul	Keunggulan undang-undang menentukan struktur kerajaan, kehakiman, bahasa, agama dan kerakyatan diterima oleh masyarakat.
Sumber	Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka terdapat dua sumber undang-undang bertulis iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.

19 Terangkan kandungan Hukum Kanun Melaka yang diamalkan dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

Berikan contoh yang sesuai.

- (i) **Jenayah**
 - Gugat** Perbuatan jenayah menggugat ketenteraman dan keharmonian Kesultanan Melayu Melaka.
 - Hukuman setimpal** Pelbagai hukuman setimpal dikenakan terhadap perbuatan jenayah seperti membunuh, menikam dan mencuri.
 - Bunuh** Antara kesalahan yang boleh dikenakan hukuman bunuh termasuklah, apabila seseorang didapati membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja atau pembesar, maka dia akan dihukum bunuh - Fasal 5.1.
 - Ingkar** Hukuman bunuh dikenakan kepada sesiapa yang ingkar arahan dan memalsukan titah sultan - Fasal 4.
- (ii) **Peranan sultan dan pembesar**
 - Lantik** Sultan bertanggungjawab untuk melantik pembesar, contohnya Bendahara dan Temenggung.
 - Peranan** Setiap pembesar Melaka mempunyai peranan dalam pentadbiran dan mereka juga perlu arif dalam hal berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang.
 - Fasal 1** Contohnya, dalam Fasal 1, dijelaskan tugas sultan, Bendahara, Temenggung dan Penghulu Bendahari.
- (iii) **Keluargaan**
 - Harmoni** Undang-undang keluarga bertujuan mewujudkan keharmonian dalam keluarga dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh keluarga atau dalam perkahwinan.
 - Saksi** Contoh - Fasal 26 menyatakan bahawa pernikahan memerlukan empat orang saksi, jika tidak cukup memadai

dua orang sahaja.

Hamba Hamba abdi dan wanita tidak boleh menjadi saksi dalam pernikahan.

(iv) Ekonomi

Peraturan jelas Undang-undang ini mempunyai peraturan yang jelas tentang urus niaga untuk mengawal perdagangan di Melaka.

Tentang Tujuan supaya tidak berlaku sebarang kesalahan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Fasal 30 Contoh - dalam Fasal 30, dinyatakan amalan riba diharamkan dalam urusan perniagaan.

Akil baligh Orang yang menjalankan perniagaan hendaklah akil baligh, siuman dan perlu melafazkan niat jual beli.

20 Pelaksanaan undang-undang yang tegas perlu dilaksanakan bertujuan mengawal tingkah laku masyarakat.

(i) Cadangkan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk melahirkan generasi muda Malaysia yang mematuhi prinsip kedaulatan undang-undang.

Pendidikan Diserapkan dalam subjek pendidikan di sekolah – contoh: Pendidikan Moral dan Sejarah – memberi kesedaran pentingnya undang-undang dalam kehidupan seharian – contoh: disiplin di sekolah, di rumah.

Kuatkuasa Menguatkuasakan undang-undang yang tegas – tanpa kompromi – contoh: setiap kesalahan ada denda, hukuman.

Persatuan Mengaktifkan Persatuan Rukun Negara – amalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan.

Ajaran agama Berpegang teguh kepada ajaran agama – menghayati nilai murni dalam kehidupan seharian – sedar hidup lebih bermakna tanpa masalah.

(ii) Apakah kesan yang berlaku sekiranya masyarakat tidak mematuhi undang-undang?

Beri hujah anda.

Tidak stabil Pentadbiran tidak stabil – keselamatan negara tergugat – negara huru-hara – masalah kebuluran, pengangguran – imej negara terjejas – pembangunan tidak berlaku.

Jenayah Jenayah berleluasa – berlaku pembunuhan – berlaku rusuhan - masalah rasuah – hidup masyarakat terancam – negara terancam.

Dadah Masalah penyalahgunaan dadah – masyarakat lemah – tiada tenaga kerja – ekonomi terjejas.

21 Undang-Undang Laut Melaka diusahakan oleh beberapa nakhoda Melaka, iaitu Nakhoda Jenal, Nakhoda Diri dan Nakhoda Sahak. Undang-undang ini diperkenan oleh Sultan Mahmud Shah dan mengandungi antaranya termasuklah perkara berkaitan dengan peranan nakhoda, pelayaran, jenayah di atas kapal dan percukaian.

Nyatakan peranan anak kapal berdasarkan Undang-Undang Laut Melaka.

Nakhoda	Nakhoda – merupakan ketua kapal dan dianggap ‘raja’ di dalam kapal.
Jurumudi	Jurumudi (Malim) – merupakan pegawai yang menentukan arah dan dianggap ‘bendahara’ dalam kapal.
Jurubatu	Jurubatu – merupakan pegawai yang mengukur kedalaman laut dan dianggap sebagai ‘temenggung’ di dalam kapal.
Sida-sida	Tukang Kanan, Tukang Kiri, Tukang Agung – merupakan sida-sida di dalam kapal.
Pegawai khas	Jurubatu Kanan, Jurubatu Kiri, Gantung Layar, Senawi – merupakan pegawai khas dalam kapal yang bertanggungjawab terus kepada nakhoda.
Awak-awak	Awak-Awak – merupakan anak kapal yang bertanggungjawab kepada tukang.

22 Jelaskan tentang Undang-Undang Laut Melaka yang diamalkan dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

(i) Peranan Nakhoda

Kuasa penuh	Nakhoda berkuasa penuh dan diibaratkan sebagai raja dalam pelayaran.
Patuh	Semua pihak harus mematuhi arahan dan perintah nakhoda.
Berniaga	Dalam Fasal 13.1, dinyatakan bahawa nakhoda perlu diberikan keutamaan untuk berniaga selama empat hari.
Singgah	Dalam Fasal 13.3 pula dinyatakan, sekiranya nakhoda hendak singgah di tempat yang tidak ada dalam senarai persinggahan, nakhoda perlu bermesyuarat dengan semua orang di dalam kapal untuk mendapatkan persetujuan.

(ii) Pelayaran Peranan pegawai

Selamat	Pelaksanaan peranan masing-masing akan menjadikan pelayaran selamat dan lancar.
Ilmu pelayaran	Contohnya, dalam Fasal 9, seorang malim harus arif tentang ilmu pelayaran.
Tahu	Malim perlu mengetahui keadaan ombak, arus dan

kedudukan bulan dan bintang agar pelayaran berada dalam keadaan selamat.

Lalai
Dalam fasal yang sama, jika malim lalai dalam menjalankan tugas sehingga menyebabkan pelanggaran dan kerosakan, dia akan dijatuhi hukuman bunuh.

(iii) Jenayah Gugat

Perbuatan jenayah di atas kapal akan menggugat ketenteraman dan keselamatan isi kapal.

Hukuman
Undang-undang ini menjelaskan hukuman terhadap perbuatan jenayah yang berlaku meliputi perbuatan mencuri, membunuh dan memberontak.

Mati
Contohnya, dalam Fasal 5, seseorang yang berkelakuan jahat dan membunuh orang di atas kapal, maka orang tersebut akan dikenakan hukuman mati.

(iv) Percukaian Adil

Percukaian yang sistematik dan adil dinyatakan dalam undang-undang ini.

Pelbagai
Pelbagai cukai dikenakan dalam urusan pelayaran untuk perdagangan.

Cukai perjalanan Jumlah
Contohnya, cukai perjalanan dan hasil perniagaan.

Dalam Fasal 6.3, nakhoda menentukan jumlah cukai yang dikenakan terhadap penumpang, iaitu satu persepuluh daripada hasil penumpang sekiranya penumpang ingin turun sebelum sampai janjinya sama ada tiga tahun, tiga bulan atau tiga hari.

23 Kesultanan Melayu Melaka merupakan sebuah kerajaan perdagangan terkenal yang menjadi tumpuan pedagang seluruh dunia.

(i) Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan Kesultanan Melayu Melaka sebuah kerajaan terkenal.

Pentadbiran unggul
Sistem pentadbiran yang unggul dan tersusun menjamin perjalanan pemerintahan yang lancar dan cekap – sistem Pembesar Berempat.

Rakyat patuh
Rakyat sentiasa patuh kepada perintah dan undang-undang – mewujudkan keharmonian serta kesejahteraan – kesannya, zaman Kesultanan Melayu Melaka makmur.

Hukum Kanun Melaka
Mengamalkan undang-undang yang sistematik menjamin kemakmuran Kesultanan Melayu Melaka – contohnya, Hukum Kanun Melaka.

Undang-undang Laut
Undang-Undang Laut Melaka yang diamalkan

Melaka menjadikan urusan perdagangan cekap.

(i) Apakah peranan kerajaan dalam memantapkan kestabilan dan kemajuan negara kita?

Beri hujah anda.

- Dasar** Membuat dasar tertinggi negara – menjamin ekonomi negara yang kukuh – menstabilkan sistem kewangan negara – memajukan Negara.
- Aman** Mewujudkan keamanan negara – menjamin keselamatan dan kedaulatan – kukuhkan pertahanan negara – menjadi tumpuan pelabur asing.
- Basmi** Membasmi kemiskinan rakyat – tingkatkan taraf hidup – banyak peluang pekerjaan – contoh: bidang industri, teknologi.
- Bangun** Membangunkan prasarana negara – kemudahan rakyat terjamin – memberi keselesaan – setanding negara luar – menjadi tumpuan pelabur.

1.4 - Peranan Pemerintah dan Rakyat

1 Hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha menjamin kesejahteraan. Apakah hubung kait pemerintah dan rakyat dalam zaman Kesultanan Melayu Melaka?

- Waadat** Selaras dengan konsep waadat (perjanjian) - rakyat yang bernaung di bawah pentadbiran sultan dan pembesar saling berkait antara satu sama lain.
- Gerak** Perkaitan ini berfungsi menggerakkan jentera kerajaan dan sistem pemerintahan.
- Hubungan** Hubungan secara timbal balik ini mengukuhkan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang membawa kegemilangan kesultanan ini - dapat memelihara kedaulatan raja dan kesejahteraan rakyat.
- Maju** Mengekalkan kemajuan dan keamanan Negara.

2 Masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada dua, iaitu golongan pemerintah dan diperintah.

Jelaskan.

(i) Golongan Pemerintah

- Sultan
- Pembesar
- Kerabat raja
- Ulama

(ii) Golongan Diperintah (Rakyat)

- Peniaga
- Petani
- Tukang
- Hamba raja, hamba berhutang, hamba biasa

3 Jelaskan peranan golongan berikut.

(i) Sultan

- Jaga** Menaungi dan menjaga keselamatan rakyat negeri baginda.
- Padu** Mewujudkan perpaduan rakyat.
- Makmur** Bertanggungjawab terhadap kemakmuran serta kestabilan kerajaan.
- Kawal** Memperkenalkan undang-undang untuk mengawal rakyat.

(ii) Pembesar

- Kawasan** Memelihara keamanan dan kebajikan rakyat di kawasan pegangan.
- Perantara** Menjadi perantara antara sultan dengan rakyat.
- Serah** Mengutip hasil melalui sistem serah.
- Kerah** Membekalkan tenaga tentera melalui sistem kerah.

(iii) Rakyat

- Taat** Menunjukkan taat setia kepada pemerintah.
- Patuh** Mematuhi segala arahan pemerintah dan tidak akan menderhaka kerana takut ditimpa tulah.
- Tentera** Menjadi tentera.
- Hadir** Menghadiri majlis umum seperti gotong-royong.
- Dayung** Menjadi pengayuh atau pendayung kapal perang.
- Sumbang** Menyumbang tenaga kerja melalui sistem kerah seperti membina istana atau jalan.

4 Hubung kait pemerintah dan rakyat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka selaras dengan konsep waadat iaitu perjanjian yang dibuat antara keduanya.

Mengapakah waadat sangat penting kepada sebuah negara seperti Malaysia?

- Hubungan** Bukti wujudnya hubungan timbal balik (saling berkait) pemerintah dan rakyat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.
- Taat setia** Taat setia rakyat kepada pemerintah tanpa berbelah bahagi.
- Jaga** Pemerintah bertanggungjawab menjaga kebajikan rakyat tanpa mengira keturunan.

- Derhaka** Rakyat tidak boleh menderhaka kepada raja – jika menderhaka akan terkena *tulah* (kecelakaan).
- Perlembagaan** *Waadat* hari ini adalah perjanjian antara raja, kerajaan dan warganegara – Perlembagaan Persekutuan – kedudukan tertinggi negara.

5 Hubung kait pemerintah dan rakyat masa kini wujud dalam sistem Raja Berperlembagaan yang diamalkan di negara kita. Buktikan sistem ini masih relevan dan penting kepada negara Malaysia sehingga kini.

- Raja** Raja melindungi rakyat pelbagai kaum - agar wujud keadaan aman dan harmoni
- Bebas** Kebebasan beragama - rakyat bebas mengamalkan agama masing-masing.
- Padu** Wujud perpaduan kaum - raja menjadi simbol perpaduan.
- Hak** Melindungi hak orang Melayu - agar hak dan keistimewaan orang Melayu terpelihara.
- Agama Islam** Melindungi agama Islam - baginda menjadi ketua agama Islam bagi negeri sendiri dan negeri lain - seperti Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak.

6 Mengapakah institusi beraja di negara kita perlu dipertahankan? Kemukakan alasan anda.

- Lambang** Lambang / simbol penyatuan rakyat
- Warisan** Warisan tradisi sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka
- Setia** Tumpuan taat setia rakyat
- Stabil** Kestabilan negara dapat dikekalkan
- Tarik** Menarik pelancong datang ke Malaysia
- Perlembagaan** Dinyatakan dalam perlembagaan Malaysia
- Ketua** Raja merupakan ketua negara
- Daulat** Raja lambang kedaulatan negara
- Aman** Lambang keamanan negara
- Padu** Lambang perpaduan rakyat